

UPM anjur kongres pertanian

SERDANG 9 Ogos - Lebih 300 peserta dijangka menghadiri Kongres Antarabangsa Pertanian 2012 anjuran Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang bakal diadakan di Hotel Marriot, Putrajaya, pada 4 hingga 6 September ini.

Dekan Fakulti Pertanian, Prof. Dr. Mad Nasir Shamsudin berkata penganjuran kongres itu bertujuan membincangkan pelbagai strategi dan proses inovasi dalam melaksanakan plan transformasi pertanian yang mempunyai hubungkait dengan isu keselamatan makanan global.

Menurutnya, selain pendedahan mengenai teknologi pertanian terkini, peserta akan turut dilibatkan dalam sesi perbincangan.

“Kongres bertema *Transformasi Pertanian Untuk Tuaian Masa Depan* itu juga diharapkan dapat mempertingkatkan jaringan kerjasama antara UPM dalam bidang pengeluaran pertanian dan makanan tropika dengan pihak luar,” katanya dalam kenyataan akhbarinya di sini hari ini.

Beliau berkata, beberapa penceramah diundang bagi membentangkan kertas kerja pada kongres berkenaan.

Antaranya, Pengarah Institut Penyelidikan Polisi Makanan Antarabangsa Asia (IFPRI Asia), Dr. P.K Joshi, wakil dari Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP) Dr. Anjan Datta dan wakil Persatuan Industri Baja Antarabangsa (IFIA), Dr. Luc Maene.

Maklumat lanjut tentang kongres ini boleh diperolehi melalui laman sesawang www.agri.upm.edu.my/congress2012.